



اَوْنِيُو تِكْنُوْلُوجِي مَارَا  
 UNIVERSITI  
 TEKNOLOGI  
 MARA

Cawangan Negeri Sembilan

EDISI 13

OKTOBER 2024

# BULETIN APB

*Global  
Education*

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA  
 UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
 CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
 KAMPUS SEREMBAN



# Hari Alam Sekitar Sedunia: Pendidikan Alam Sekitar Global

**DEVIKA KRISHNAN**  
**UiTM KAMPUS SEREMBAN**

Hari Alam Sekitar Sedunia (HAS) yang disambut pada 5 Jun setiap tahun merupakan satu pendekatan global bagi memupuk kesedaran tentang isu alam sekitar dalam kalangan masyarakat di persada dunia. Lebih 150 buah negara di seantero dunia bersama-sama meraikan sambutan HAS dan pada hari tersebut, jutaan manusia menunjukkan komitmen masing-masing terhadap pemuliharaan planet Bumi. Pada asasnya, HAS berasal daripada Persidangan Stockholm 1972 oleh Perhimpunan Agong Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Maka, HAS diketuai oleh Program Alam Sekitar PBB (UNEP). Jadual 1 menunjukkan antara tema sambutan HAS pada setiap tahun dengan mengetengahkan inisiatif global bagi mendidik dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk melindungi alam sekitar.

Jadual 1  
Tema-tema Hari Alam Sekitar Sedunia

<u>Tahun</u>	<u>Tema</u>
2024	Pemulihan Tanah, <u>Penggurunan</u> , Dan Ketahanan Kemarau
2023	<u>Membanteras Pencemaran Plastik</u>
2022	<u>Hanya Satu Planet</u>
2021	<u>Pemulihan Ekosistem</u>
2020	Masa <u>Untuk Alam Semulajadi</u>
2019	<u>Pencemaran Udara</u>
2018	<u>Mengatasi Pencemaran Plastik</u>
2017	Menghubungkan Manusia Dengan Alam <u>Semulajadi</u> - Di Bandar Dan Di Darat, Dari Kutub Ke Khatulistiwa
2016	Toleransi Sifar Untuk Perdagangan Hidupan Liar
2015	Menghubungkan Manusia Dengan Alam
2014	Meninggikan Suara Anda Bukan Paras Laut
1974	<u>Cuma Satu Bumi</u>

Secara keseluruhannya, tema sambutan HAS memberi fokus terhadap pelbagai aspek alam seperti biodiversiti, pencemaran alam sekitar, pemeliharaan dan pemulihan tanah, perubahan iklim, kenaikan paras laut, pemulihan ekosistem dan sebagainya. Kesemua tema HAS memberi tumpuan terhadap penyelesaian kepada masalah alam sekitar dunia yang semakin meruncing dari aspek ekologi, ekonomi dan sosial. Walaupun tema sambutan HAS berbeza setiap tahun, tetapi motifnya tetap sama, iaitu bagi memupuk pendidikan alam sekitar di peringkat global serta melahirkan kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar. Pelbagai program pendidikan alam sekitar dijalankan sempena HAS. Antaranya ialah larian udara bersih dan senamrobik serta kempen pengumpulan bahan buangan elektrik dan elektronik.





Pendidikan alam sekitar memainkan peranan yang amat penting bagi meningkatkan kesedaran dan keperluan tindakan global terhadap perlindungan alam sekitar. Selain itu, sambutan HAS menekankan keperluan untuk pendekatan yang komprehensif dalam memerangi krisis alam sekitar. Tambahan pula, kempen-kempen kesedaran yang dijalankan dikatakan dapat mendidik setiap individu untuk menghargai planet ini demi kelangsungan hidup generasi akan datang di samping mencapai matlamat pembangunan mampan.

#### Rujukan

- United Nation Environment Programme (2024). *Get ready for the 50th anniversary of World Environment Day*.  
*United Nations*. <https://www.un.org/en/delegate/get-ready-50th-anniversary-world-environment-day>
- Jabatan Alam Sekitar (2023). *Sambutan Hari Alam Sekitar Negara*. <https://hasn.doe.gov.my/>
- Jabatan Alam Sekitar (2024). *Hari Alam Sekitar Sedunia*.  
*United Nations*. <https://www.un.org/en/delegate/get-ready-50th-anniversary-world-environment-day>
- United Nation (2024). *World Environment Day 5 June*.  
*United Nations*. <https://www.un.org/en/delegate/get-ready-50th-anniversary-world-environment-day>
- World Health Organization (2024). *World Environment Day*.  
<https://www.who.int/southeastasia/news/detail/05-06-2024-world-environment-day>